

3509
PENJAJA

1981

BATU PAHAT, 25 APRIL (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENCADANGKAN PENUBUHAN SEBUAH BADAN BAGI MENGGABUNGGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL YANG KINI TERTUMPU KEPADA KEPENTINGAN SESUATU BANGSA SAHAJA.

BELIAU BERKATA DENGAN ADANYA BADAN GABUNGAN TERSEBUT PANDANGAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL AKAN DAPAT DIBERI PERHATIAN DENGAN SECARA MENYELURUH YANG MENITIKBERATKAN MASALAH BERSAMA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA DEMIKIAN KETIKA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN YANG KE-25 PERSATUAN PENJAJA-PENJAJA DAN PENIAGA-PENIAGA KECIL SEMENANJUNG MALAYSIA DI SINI.

BELIAU MENSIFATKAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL SEBAGAI SUATU MASYARAKAT YANG MEMAINKAN PERANAN PENTING DALAM EKONOMI NEGARA TERUTAMA BAGI MENGURANGKAN KADAR INFLASI.

KATANYA MEREKA TIDAK BOLEH DIPISAHKAN KERANA KEGIATAN YANG DIJALANKAN MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARI CARA HIDUP RAKYAT NEGARA INI.

—BERSAMBUNG 1247/AN

B510
PENJAJA 2 BATU PAHAT

278

MEMANDANGKAN INI, KATA BELIAU, KERAJAAN BUAT PERTAMA KALI TELAH MEMBERI PERUNTUKAN SEBANYAK \$30 JUTA DALAM RANCANGAN MALAYSIA KETIGA DAN MENAMBAHKANNYA KEPADA \$50 JUTA DALAM RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERANGKAN TUJUAN KERAJAAN ADALAH UNTUK MEMBERI BANTUAN DAN MEMBINA GERAI-GERAI DALAM USAHA MENGATURKAN KEGIATAN MEREKA DAN BAGI MENINGKATKAN LAGI TARAF HIDUP MEREKA.

BELIAU MENYERU PENJAJA-PENJAJA KECIL SUPAYA MEMBERI KERJASAMA KEPADA KERAJAAN MELALUI PENGUASA-PENGUASA TEMPATAN DALAM PEMINDAHAN PERNIAGAAN MEREKA KEPADA TEMPAT YANG LEBIH TERATUR.

BELIAU MENAMBAH PERATURAN-PERATURAN YANG DITETAPKAN OLEH PENGUASA-PENGUASA TEMPATAN BUKANLAH MERUPAKAN SATU BEBAN KEPADA PENJAJA DAN PENIAGA KECIL TETAPI IA ADALAH UNTUK KEPENTINGAN BERSAMA.

KEPADA PENGUASA-PENGUASA TEMPATAN, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGINGATKAN MEREKA SUPAYA JANGAN BERTINDAK DENGAN MELULU TERHADAP PENJAJA DAN PENIAGA KECIL SEPERTI MEROBOHKAN GERAI TANPA PEMBERITAHUAN SEBELUMNYA.

—BERSAMBUNG 1251/AN

B511
PENJAJA 3 BATU PAHAT

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN KEPADA PERSATUAN-PERSATUAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL SUPAYA JANGAN MENJADIKAN SATU ISU POLITIK MENGENAI BANTUAN LEBIH YANG DIBERIKAN OLEH KERAJAAN KEPADA PENJAJA DAN PENIAGA KECIL DARI GOLONGAN BANGSA YANG DISIFATKAN SEBAGAI DHAIF.

BELIAU MENJELASKAN, DALAM MENYUSUN SEMULA MASYARAKAT, KERAJAAN MEMBERI BANTUAN DENGAN ADIL KEPADA PENJAJA DAN PENIAGA KECIL DARI SEMUA BANGSA TERMASUK BANTUAN YANG LEBIH KEPADA BUMIPUTERA.

SEBELUM ITU DATUK SERI DR. MAHATHIR MENERIMA SATU MEMORANDUM DARIPADA Pengerusi Agung Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Semenanjung Malaysia, Encik Ng Hang Chai.

—BERNAMA 1251/AN